



## KENYATAAN MEDIA

### KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

### KPLB LAKSANA PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR ASAS HAMPIR RM900 JUTA DI SARAWAK

KPLB.100-2/1/6 JLD.3 (46)

KUCHING, 29 September - Hampir RM900 juta dibelanjakan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) bagi Wilayah Sarawak untuk tujuan pembangunan infrastruktur asas, ekonomi dan modal insan.

Menterinya, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, antara tumpuan projek pembangunan infrastruktur asas adalah Jalan Luar Bandar (JALB), Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dan Bekalan Air Luar Bandar (BALB).

"Tahun 2022 kita ada peruntukan lebih kurang RM900 juta untuk Sarawak, jadi kita nak belanjakan untuk 2022, tapi pada masa yang sama ada projek sambungan 2021 yang belum siap lagi, 2020 dekat-dekat nak siap 2022, jadi kita kena tengoklah benda ni supaya benda ni berjalan dan pada masa yang sama bila ada projek yang baru masuk, kita koordinasi dengan kerajaan Negeri.

"Kita ada projek tertentu yang sedang dilaksanakan di negeri Sarawak dan ada yang dipanggil pra pelaksanaan, yang belum dilaksanakan dan pada masa yang sama kerajaan Negeri juga ada projek prasarana yang mereka yang di atas bajet Negeri yang sedang berjalan."

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan kunjungan hormat ke atas Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Tun Openg di Bangunan Dewan Undangan Negeri Sarawak di sini hari ini.

Turut sama, Timbalan Premier Sarawak, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan, Timbalan Menteri II KPLB, Datuk Hasbi Habibollah, Ketua Setiausaha KPLB, Datuk Ramlan Harun, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KPLB, Mas Rizal Mohd Hilmi dan Pengarah KPLB Sarawak, Mohd Syafiq Anas Abdullah.

Jelas Mahdzir, hasil pertemuan itu, kerajaan Sarawak dan KPLB bersetuju untuk meningkatkan penyelarasan bagi semua projek-projek pembangunan yang sedang dan yang akan dilaksanakan di wilayah itu.

"Jadi antara perkara yang kita bincang hari ini adalah yang melibatkan koordinasi diantara kerajaan Negeri dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Premier juga bersetuju supaya pasukan teknikal daripada KPLB dan juga daripada kerajaan Negeri dapat kerap berjumpa".

Ditanya mengenai projek yang bermasalah di Sarawak, Mahdzir berkata setakat ini tidak ada projek yang dihentikan atas faktor penjimatan kos ekoran pandemik Covid-19.

"Ada projek yang sudah siap, ada projek yang sedang dalam pelaksanaan, tapi yang paling penting sekali yang belum dan yang nak mula tu kita ada koordinasi kerana koordinasi sangat penting sebab nak tentukan supaya tidak ada pertindihan di antara bajet Negeri dengan bajet daripada KPLB."

Mengulas mengenai Bajet 2023 KPLB untuk wilayah Sarawak, beliau yakin peruntukannya akan melebihi daripada tahun ini.

"Insha Allah ada bajet, bajet tu masih embargo 2023, tapi saya yakin dia lebih daripada 2022 lah", katanya.

**-Tamat –**

#KeluargaMalaysia

#LuarBandarSejahtera

**DATUK SERI MAHDZIR KHALID**

**MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

**29 SEPTEMBER 2022**

**Unit Komunikasi Korporat.** | Kementerian Pembangunan Luar Bandar  
Tel: 03-8891 5945 Faks: 8888 2367 Email: [ukk@rurallink.gov.my](mailto:ukk@rurallink.gov.my)



[www.rurallink.gov.my](http://www.rurallink.gov.my)



Kementerian Pembangunan Luar Bandar



[kplb\\_gov](https://twitter.com/kplb_gov)



[kplb\\_gov](https://www.instagram.com/kplb_gov)



[KPLB\\_GOV Official](https://www.youtube.com/KPLB_GOV)